

# Langkah susulan perlu berterusan pastikan GTP, ETP berjaya - Ahli akademik

KUALA LUMPUR 13 Mei - Pembentangan Laporan Tahunan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam perlu disahut oleh agensi dan pemimpin-pemimpin kerajaan untuk memberi keyakinan kepada rakyat bahawa program itu bukan retorik.

Pensyarah Perakaunan dan Kewangan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Dr. Abu Sofian Yaakob** berkata, pembentangan itu amat baik untuk memberi penerangan namun tidak cukup sekiranya gagal dilaksanakan di peringkat bawahan.

Menurut beliau, langkah memantapkan jenayah dan rasuah serta Laporan Ketua Audit Negara adalah antara perkara penting yang

memerlukan usaha berterusan dalam memberi keyakinan kepada rakyat bahawa kerajaan serius menangani setiap ketirisan yang berlaku.

“Pada saya program ini merupakan langkah baik untuk memberi penjelasan kepada rakyat mengenai apa kerajaan buat namun susulannya adalah implementasi yang membawa kejayaan perlu diteruskan kerana itu yang rakyat mahu.

“Contohnya dalam Laporan Ketua Audit Negara, sekiranya banyak ketirisan berlaku, rakyat mahu lihat apa tindakan kerajaan dan selepas itu, individu yang bertanggungjawab perlu dihukum mengikut undang-undang negara,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Perdana Menteri ketika mem-

bentangkan laporan tersebut berkata, pelbagai langkah kerajaan dalam menangani jenayah berjaya mengurangkan kejadian pecah rumah di seluruh negara sebanyak 6.5 peratus tahun lalu berbanding 2012.

Beliau berkata, bagi menangani ketirisan dalam agensi kerajaan pula, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah membuka 17 kertas siasatan berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara 2012 yang telah dibentangkan pada Oktober 2013.

Mengulas lanjut, Abu Sofian berkata, laporan tersebut baik untuk menjelaskan kepada rakyat mengenai pelbagai dakwaan tidak tepat dan tuduhan dibuat pihak tertentu yang cuba untuk memburuk-burukkan kerajaan.